






KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	28/12/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	: 5
JABATAN	:	TNB		

 HarianMetro  @hmetromy  www.hmetro.com.my **5**

28.12.2021

# lokal

## Bekalan elektrik di 623 kawasan kembali pulih

**Kuala Lumpur:** Bekalan elektrik di 623 kawasan yang terjejas banjir di Pahang, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur sudah dipulihkan setakat 12 tengah hari kelmarin.

Tenaga Nasional Bhd (TNB) Careline menerusi hantaran di Facebook memperincikan 480 kawasan itu terletak di Pahang, 25 di Negeri Sembilan dan 118 di Kuala Lumpur.

Sementara itu, bekalan elektrik di 171 kawasan di Selangor dipulihkan setakat 12 tengah hari kelmarin.

“Bagaimanapun, jika banjir sudah surut di kawasan anda tetapi masih belum menerima bekalan elektrik,

ini adalah kerana pencawang kuasa yang membekalkan elektrik di premis anda belum selamat sepenuhnya untuk diaktifkan,” katanya.

TNB Careline juga berkata, 80 kawasan di Selangor, 37 di Pahang, masing-masing dua di Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur masih belum menerima bekalan elektrik bagi memastikan keselamatan pengguna.

“Usaha bagi memastikan bekalan elektrik ke kawasan terjejas dipulihkan secara berperingkat diteruskan, tertakluk kepada akses dan keadaan setempat,” katanya.

